KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	04.04.22	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	YHM/JPSM			

Jaga alam, USIM tanam 200 pokok

Kampus



MOHAMED RIZZA (tengah) bersama pihak pengurusan Pusat Kelestarian dan Kesejahteraan USIM semasa menjayakan program penanaman pokok di universiti itu di Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Bagi menyahut program Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 Negeri Sembilan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) baru-baru ini menanam sebanyak 200 anak pokok hutan bernilai tinggi di kampus berkenaan.

Bertemakan Penghijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita (Greening Malaysia: Our Trees, Our Life), program itu bertujuan meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan hijau dan hutan untuk kesejahteraan serta kualiti hidup.

Naib Canselor universiti itu, Prof. Datuk Dr. Mohamed Rizza Mahiddin berkata, program tersebut penting dalam usaha untuk memastikan baik ekosistem dan biodiversiti di negara ini.

Katanya, apa yang paling penting, ia dapat menanamkan semangat cintakan alam semula jadi melalui usaha penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat, selain menyediakan kemudahan untuk mengekalkan ilmupan kawasan berhutan di Malaysia.

Jelasnya, Dasar Perhutanan Malaysia antara lain menggariskan keperluan untuk mengekalkan kawasan berhutan yang mencukupi bagi kepentingan sosial, ekonomi dan alam sekitar.

"Dalam hal ini, USIM komited untuk menjadi kampus lestari dengan melancarkan Blueprint Kelestarian USIM pada 26 November 2021. Program ini dirangka di bawah Pelan Biodiversiti dan Landskap melalui inisiatif Green Lung dengan penanaman Kempen 1 Warga 1 Pokok.

"Program seperti ini dilihat dapat menangkis sebanyak 1,000 tan karbon dalam kampus bagi memelihara persekitaran dalam bidang botani, kepelbagaian biodiversiti dan perpaduan lain yang berkaitan dengannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyatakan program tersebut.

Mohamed Rizza turut menyertai 100 peserta terdiri daripada pelajar yang menganggotai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapsi), Sukarelawan Polis Siswa Siswi Gunakita dan kakitangan menanam pokok.

Sebanyak 12 spesies pokok hutan ditanam pada program tersebut termasuk kembang semangkuk jantung, sepetir daun nipis, merawti bunga, kempas, cengal dan merawan siput jantan.

Di sesi di Tapak Arboretum USIM, kesemua pokok itu merupakan sumbangan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.

Program penanaman tersebut adalah sebahagian kepada sokongan universiti kepada usaha yang dijayakan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli yang menggariskan usaha Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 juta pokok.

Tjar Mohamed Rizza, pokok-pokok hutan yang ditanam di USIM itu akan dipelihara untuk tujuan pendidikan, penyelidikan, pemuliharaan genetik dan pendidikan.

Selain itu, jelasnya, penanaman pokok-pokok itu juga dapat memelihara ekosistem ekologi dan kepelbagaian biologi yang stabil serta dapat memperbaiki habitat kepada kehidupan liar kecil.

"Melalui program ini, ia dilihat dapat menarik pelbagai spesies dalam kalangan warga kampus khususnya dalam persekitaran dan pemuliharaan alam sekitar, selain memperkenal budaya pendidikan dan penyelidikan tumbuhan kepada generasi muda.

"Ini turut menjamin kemampanan kelestarian USIM di bawah program Pembangunan Landskap dan Biodiversiti, Infrastruktur Hijau dan Kampus Rendah Karbon.

"Ia antara satu usaha inisiatif memerangi bahaya pemanasan global di dalam kampus dalam menyokong usaha membantu Malaysia ke arah mencapai Negara Rendah Karbon 2030," katanya.

Penanaman 100 juta pokok merupakan program berskala dijalankan di seluruh negara dalam tempoh lima tahun di beberapa kawasan strategik seperti tanah perkuburan, taman awam serta institusi pendidikan tinggi.



PROGRAM penanaman pokok itu dirangka di bawah Pelan Biodiversiti dan Landskap melalui inisiatif Green Lung dengan menyemarakan Kempen 1 Warga 1 Pokok.



MOHAMED RIZZA menyempurnakan simbolik penanaman 200 pokok di kampus USIM baru-baru ini.